



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENJAGA KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
(E.1-2-3 EB.4)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENJAGA KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)
KEKOSONGAN = ENAM BELAS (16)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB).

ATAU

- b) *BDTVEC /BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / National Vocational Certificate* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- e) Telah berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Polis Diraja Brunei sekurang-kurangnya berpangkat Lans Koperal.
2. Hendaklah mempunyai rekod disiplin yang baik, bersifat jujur, cekap dan berkeupayaan.
3. Berpengetahuan dan pemahaman dalam *Security Risk Assessment*, Asas Sekuriti Penerbangan, Asas Keselamatan Fizikal, Asas Keselamatan Teknologi Maklumat dan Asas Keselamatan Dokumen adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengadakan kawalan keselamatan 24 jam di semua bangunan utama Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
2. Membuat rondaan dan pemantauan persekitaran, bangunan utama, bangunan-bangunan kemudahan dan Hangar Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
3. Membuat pemeriksaan Keselamatan kepada kakitangan dan pelawat-pelawat (Pas Keselamatan / Kenderaan) yang bertugas dan berurusan di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
4. Menjaga keselamatan Rombongan Kerabat Diraja semasa Keberangkatan dan Ketibaan;
5. Membuat pemeriksaan bagasi dan penumpang yang mengikuti rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerabat Diraja semasa keberangkatan;
6. Petindak pertama sekiranya terdapat apa-apa kecemasan (kebakaran, penceroboh dan sebagainya) yang berlaku di kawasan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sama ada semasa waktu pejabat ataupun di luar waktu pejabat;
7. Mengiringi pelawat-pelawat dan pekerja-pekerja kontrak yang berurusan di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
8. Membuat kawalan keselamatan pesawat semasa Keberangkatan dan Ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerabat Diraja;
9. Menentukan semua kakitangan, pelawat-pelawat serta pekerja-pekerja kontrak yang masuk melalui Pintu Utama Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempunyai Pas Keselamatan dan Pas Kenderaan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sah;
10. Bersedia menghadirkan diri apabila diperlukan di luar waktu bertugas (seksyen syif) pada bila-bila masa;
11. Menghadirkan diri bagi menjalani kursus, taklimat dan mesyuarat yang dikendalikan oleh Pentadbiran Bahagian Keselamatan semasa atau selepas waktu bertugas (seksyen syif); dan
12. Membuat pemeriksaan mengejut (*spot check*) secara bersekala terhadap kenderaan sama ada kenderaan Kerajaan atau kenderaan Persendirian yang hendak masuk atau keluar dari kawasan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.